

**Parlimen: Pilihan Raya Serentak Elak Pembaziran - Mohamed Nazri
Bernama
21 November, 2012**

KUALA LUMPUR, 21 Nov (Bernama) -- Pilihan raya yang diadakan serentak dapat mengelak pembaziran kos, tenaga kerja dan masa, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz.

Beliau berkata adalah lebih baik sekiranya semua parti politik dapat mencapai persetujuan bersama untuk mengadakan pilihan raya akan datang bagi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen secara serentak.

"Sebarang tarikh pembubaran Dewan Rakyat atau DUN terpulang kepada pucuk kepimpinan kerajaan berkenaan, iaitu pembubaran Parlimen menjadi hak perdana menteri manakala DUN hak menteri besar atau ketua menteri.

"Bagaimanapun, adalah wajar semua parti politik mengambil kira kepentingan bersama untuk mengadakan pilihan raya serentak," katanya dalam jawapan bertulis kepada soalan Datuk Seri Azmi Khalid (BN-Padang Besar) di Dewan Rakyat pada Rabu.

Azmi ingin tahu sama ada kerajaan akan mencadangkan tempoh penggal pilihan raya umum yang tetap sebagai usaha mengurangkan kos dan mengurangkan parti terlibat terlalu banyak berpolitik.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=710536>